



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803

Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2024: SARAPAN SIHAT@WP DAN PAINT-BY-NUMBERS CANVAS

LABUAN, 18 Februari 2024 – Dalam menyemarakkan sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan dan Hari Wilayah Persekutuan 2024, Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan menganjurkan program Sarapan Sihat@WP dan *Paint-By-Numbers Canvas*. Program yang disertai oleh komuniti dari pelbagai lapisan umur ini diadakan khusus bagi memupuk budaya gaya hidup yang sihat dan semangat *sense of belonging* dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Paint-By-Numbers Canvas adalah aktiviti pengindahan dengan mengecat bangunan/dinding/kawasan yang usang dan kusam di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan berkonsepkan kemajuan dan kemakmuran 50 tahun Wilayah Persekutuan untuk dijadikan sebagai “*Wall of Fame*”. Penglibatan komuniti setempat adalah selaras dengan usaha untuk memastikan kebersihan dan pengindahan Wilayah Persekutuan adalah tanggungjawab bersama. Program ini bukan hanya sekadar satu acara seni, malah lebih tepat sebagai ungkapan kreativiti dan keharmonian perpaduan antara warga WP Labuan. Penggunaan cat pelbagai warna yang *vibrant* dalam aktiviti ini juga turut memberi nilai tambah dari segi estetika untuk tarikan pelancongan di pulau indah ini. Tiga lokasi terpilih telah dimulakan aktiviti *Paint-By-Numbers Canvas* bermula pada 1 Februari 2024 iaitu di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Dataran Labuan dan Taman Botanikal.

Sarapan Sihat@WP turut menghimpunkan komuniti WP Labuan secara santai bersama keluarga dengan pengisian kepentingan dan kesedaran menjaga persekitaran. Ini dapat mendidik dan memperkasakan peranan masyarakat melalui pelbagai aktiviti seperti plogging serta menjadi platform untuk mengetengahkan penggunaan produk Biodegradasi dalam aktiviti seharian. Ia merupakan salah satu usaha untuk memastikan Wilayah Persekutuan kekal menjadi sebuah bandar hijau, mampan dan rendah karbon. Program ini dikelolakan secara bersama dengan Jabatan Kesihatan WP Labuan dan Puspanita Labuan.

Program-program Hari Wilayah Persekutuan memupuk semangat muhibbah dan integrasi antara masyarakat di Wilayah Persekutuan serta mengukuhkan rasa sayang kepada Wilayah Persekutuan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan. Sekaligus dapat membentuk jati diri warga yang sayang dan cintakan Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan program ini juga menjadi serampang dua mata yang mana dapat menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandaraya yang berdaya huni, sentiasa bersih, sihat dan selamat untuk didiami oleh semua.

Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
18 Februari 2024